



GANGGUAN ORANG KETIGA DALAM PERKAHWINAN MENURUT UNDANG-UNDANG

LATAR BELAKANG

Perkahwinan merupakan satu ikatan murni antara seorang lelaki dan perempuan untuk hidup bahagia bersama dalam sesebuah rumah tangga. Perkahwinan diharuskan oleh Syarak bukanlah semata-mata untuk kenikmatan hubungan seksual, bahkan terdapat banyak fungsi lain yang seharusnya diambil perhatian oleh setiap pasangan yang telah berkahwin. Walau bagaimanapun, pasangan suami isteri tidak dapat lari daripada menghadapi pelbagai konflik dalam rumah tangga. Banyak faktor yang menjadi punca kepada konflik dalam rumah tangga sama ada melibatkan faktor dalaman atau faktor luaran. Kewujudan orang ketiga juga boleh menjadi punca berlakunya konflik rumah tangga.

TAFSIRAN ORANG KETIGA

Tiada tafsiran khusus tentang orang ketiga dalam undang-undang. Orang ketiga boleh jadi sesiapa sahaja sama ada orang yang dikenali atau tidak. Boleh jadi melibatkan ahli keluarga sendiri sama ada ibu bapa, mertua, adik beradik, ipar duai, sepupu sepatutnya, anak kandung, anak tiri dan sebagainya. Boleh jadi juga bekas kekasih suami atau isteri. Barangkali juga melibatkan bekas kekasih gelap suami atau isteri. Mungkin juga melibatkan orang luar seperti jiran, rakan sekerja, alumni sekolah, majikan dan sebagainya.

BENTUK GANGGUAN ORANG KETIGA

Kewujudan orang ketiga boleh mengganggu hubungan suami isteri dalam perkahwinan. Mereka menjadi punca dan penyebab wujudnya bibit-bibit ketidakharmonian dalam rumah tangga. Kebiasaannya gangguan dibuat dalam bentuk memujuk, menghalang dan menghasut, supaya suami atau isteri meninggalkan rumah tangga dan mengabaikan tanggungjawab terhadap keluarga. Pasangan yang curang juga boleh disebabkan orang ketiga.

PERLINDUNGAN UNDANG-UNDANG

Undang-undang jenayah Islam di semua negeri di Malaysia telah memperuntukkan perlindungan bagi mangsa yang mengalami gangguan orang ketiga dalam perkahwinan. Sebagai contoh, 3 seksyen telah diperuntukkan dalam Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 mengenai kesalahan berhubung orang ketiga dalam perkahwinan iaitu:

SS	Jenis Kesalahan	Hukuman
32	Memujuk lari atau membawanya pergi atau mempengaruhinya supaya meninggalkan rumahtangga	Denda tidak lebih RM5000 @ penjara tidak lebih 3 tahun @ kedua-duanya dan Mahkamah perintah isteri kembali kepada suami
33	Menghalang pasangan suami isteri yang sah daripada hidup sebagai suami isteri	Denda tidak lebih RM3000 @ penjara tidak lebih 2 tahun @ kedua-duanya, dan Mahkamah perintah suami isteri hidup bersama
34	Menghasut, memaksa, memujuk suami atau isteri supaya bercerai atau mengabaikan tanggungjawab	Denda tidak lebih RM5000 @ penjara tidak lebih 3 tahun @ kedua-duanya

TINDAKAN YANG BOLEH DIAMBIL

- Membuat aduan di Unit Penguatkuasaan dan Pendakwaan, jabatan agama Islam negeri yang berdekatan.
- Menjelaskan bentuk gangguan atau hubungan pasangan dengan orang ketiga dan kesannya terhadap rumah tangga.
- Mengemukakan bukti kukuh dalam bentuk dokumen atau saksi mengenai gangguan orang ketiga.
- Aduan yang dibuat oleh mangsa akan disiasat secara terperinci oleh Pegawai Penguatkuasa dan jika ada bukti kes akan didakwa di Mahkamah Syariah.
- Jika disabitkan bersalah, orang ketiga tersebut akan dikenakan hukuman yang telah ditetapkan dalam undang-undang berkaitan.

RUMUSAN

Oleh itu, dapatkan perlindungan undang-undang sekiranya anda menjadi mangsa gangguan orang ketiga. Elakkan menjadi orang ketiga yang boleh merosakkan kebahagiaan rumah tangga orang lain. Jalinkan silaturrahim secara berhikmah.

Selamat Hari Raya, Maaf Zahir dan Batin.

Disediakan oleh:

Zanariah Dimon

Pensyarah Jabatan Undang-undang,

Fakulti Syariah dan Undang-undang, KUIS